



KAJIAN PENGURUSAN SISTEM TEMPAHAN DI KAYANGAN CATS HOTEL & SPA

- 1) SITI NORSHUHADAH BINTI TARIDI (10DPM20F2007)**
- 2) SITI NURALIA SORFINA BINTI AMRAN (10DPM20F2027)**
- 3) FARAH WAHIDAH BINTI ABDUL RAHMAN (10DPM20F2033)**
- 4) IZZATUL ALISHA BINTI ZAMRIE (10DPM20F2039)**
- 5) MARIANA A/P MARIADAS (10DPM20F2062)**

PENSYARAH KURSUS : DR ROHANI BINTI M.M. YUSOFF

PENYELIA : CIK NURHASHIMAH BINTI MUHAMED FAUZI

Laporan Ini Dikemukakan Kepada Jabatan Perdagangan Sebagai Memenuhi

Sebahagian Syarat Penganugerahan

Diploma Pengajian Perniagaan

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2022/2023

DPM4B

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

KAJIAN PENGURUSAN SISTEM TEMPAHAN DI KAYANGAN CATS HOTEL & SPA

1. Kami, nama di bawah :

- a) SITI NORSHUHADAH BINTI TARIDI (IC : 020411-08-0294)
- b) SITI NURALIA SORFINA BINTI AMRAN (IC : 021206-08-0492)
- c) FARAH WAHIDAH BINTI ABDUL RAHMAN (IC : 020511-14-0338)
- d) IZZATUL ALISHA BINTI ZAMRIE (IC : 021019-05-0036)
- e) MARIANA A/P MARIADAS (IC : 010104-08-0738)

adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

- 2. Saya mengakui bahawa sistem KCHSBooking dan harta intelek yang ada didalamnya adalah hasil reka cipta saya tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak lain.
- 3. Saya bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek sistem KCHSBooking bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Diploma Pengajian Perniagaan kepada saya.

Diperbuat dan dengan sebenar-sebenarnya diakui oleh yang tersebut,

shuhadah

(SITI NORSHUHADAH BINTI TARIDI)

(IC : 020411-08-0294)

sorfinia

(SITI NURALIA SORFINA BINTI AMRAN)

(IC : 021206-08-0492)

farah

(FARAH WAHIDAH BINTI ABDUL RAHMAN)

(IC : 020511-14-0338)

alisha

(IZZATUL ALISHA BINTI ZAMRIE)

(IC : 021019-05-0036)

mariana

(MARIANA A/P MARIADAS)

(IC : 010104-08-0738)

Di hadapan kami,

.....

(CIK NURHASHIMAH BINTI MUHAMED FAUZI)

(IC : 830704-10-5496)

Sebagai Penyelia Projek

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat ilahi kerana dengan izin kurnianya diberikan peluang untuk kami membangunkan sistem KCHSBooking untuk kegunaan para pekerja Kayangan Cats Hotel & Spa yang menawarkan produk dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

Dengan kesempatan yang ada ini kami amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Dr. Rohani Binti M.M Yusoff selaku pensyarah kursus Business Project kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan dan pertolongan beliau kepada kami untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

Di samping itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang tidak putus-putus dalam usaha membantu menyempurnakan tugas ini terutamanya kepada penyelia iaitu Cik Nurhashimah binti Muhammed Fauzi atas budi bicara beliau dalam memberi tunjuk ajar sepanjang masa tugas ini dijalankan. Beliau juga telah banyak membantu kami dari segi aspek idea-idea yang bernas, dan tenaga beliau untuk memastikan kami menyiapkan projek ini. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli kumpulan yang telah banyak memberikan kerjasama, menyumbang tenaga dan memberi idea dalam melaksanakan projek ini.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek untuk kursus DPB50163 Business Project ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai keberkesanan sistem KCHSBooking kepada Kayangan Cats Hotel & Spa. Kayangan Cats Hotel & Spa merupakan perniagaan yang menawarkan perkhidmatan penjagaan kucing. Tujuan produk ini dibangunkan adalah untuk membantu memudahkan pekerja dalam proses penempahan bilik. Dapatan kajian telah dibuat dan mendapati bahawa pihak staf mengalami kesukaran untuk mengenalpasti bilik yang sedia ada pada hari berkenaan, pihak staf mengambil masa yang terlalu lama untuk mengenalpasti kucing dan tempat kucing di setiap bilik yang telah ditetapkan dan Kayangan Cats Hotel & Spa ini juga tidak mempunyai kelengkapan label serta penanda (tagging) yang fleksibel pada setiap bilik. Oleh itu, dengan adanya sistem KCHSBooking ini secara langsung dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para pekerja serta memudahkan pengurusan para pekerja untuk menyemak semula kekosongan bilik. Sistem ini dibangunkan menggunakan Google Sheets yang merupakan laman sesawang untuk menciptakan sistem KCHSBooking ini. Pembangunan sistem ini dapat mengurangkan kerumitan dalam mengurus tempahan dan penjadualan ruang secara manual. Secara kesimpulannya, kami berharap agar sistem KCHSBooking ini dapat memberikan impak yang positif kepada pekerja dan pelanggan yang sering menggunakan perkhidmatan di Kayangan Cats Hotel & Spa. Kami juga berharap sistem KCHSBooking ini dapat membantu serba sedikit pihak staf dalam menguruskan tempahan daripada pelanggan dengan lebih mudah justeru dapat meningkatkan lagi potensi perniagaan Kayangan Cats Hotel & Spa.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK	2-4
	PENGHARGAAN	5
	ABSTRAK	6
	ISI KANDUNGAN	7-9
1	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	10
	1.2 Latar Belakang Kajian	11-12
	1.3 Penyataan Masalah	12-13
	1.4 Analisis keperluan	14-15
	1.5 Objektif kajian	15
	1.6 Persoalan kajian	15
	1.7 Skop projek	16
	1.8 Kepentingan projek	16
	1.9 Takrifan istilah	17
	1.10 Rumusan	18
	1.11 Lampiran	19
2	KAJIAN LAPANGAN	
	2.1 Pendahuluan	20
	2.2 Kajian terdahulu / Ulasan / Siasatan	
	2.2.1 Sistem Tempahan	20
	2.2.2 Keperluan Sistem Tempahan	21
	2.2.3 Keberkesanan Sistem Tempahan	22

2.4 Kaedah Sistem Tempahan	23
2.5 Rumusan	23
3 METODOLOGI	
3.1 Pendahuluan	24
3.2 Reka Bentuk Projek	24-26
3.2.1 Teknik Penghasilan Projek	27-34
3.2.2 Bahan Dan Peralatan	29
3.2.3 Kajian Rintis	35
3.2.4 Maklumbalas Kajian Rintis	35
3.2.5 Penambahbaikan Produk	35
3.3 Kaedah Analisis Data	35-40
3.4 Impak produk	41-42
3.5 Rumusan	43
4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pendahuluan	44
4.2 Dapatan Kajian / Pengujian	44-48
4.3 Perbincangan	48
4.4 Kos yang terlibat	49
4.5 Rumusan	49

5	KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	50
5.2	Kesimpulan	50
5.3	Cadangan	51
5.4	Limitasi Projek	51-52
5.5	Rumusan	52
	RUJUKAN	53-54
	LAMPIRAN	55-59

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

Pada era globalisasi ini, penggunaan teknologi semakin berkembang. Perkembangan tersebut adalah sejajar dengan adanya sistem-sistem yang dibangunkan untuk memudahkan pengguna. Kini, sistem yang paling terkenal ialah sistem tempahan. Sistem tempahan ialah penyelesaian perisian yang membolehkan para pengguna atau pelanggan membuat tempahan sendiri dan membuat bayaran secara atas talian sendiri. Ini memudahkan para pengguna untuk tempahan dengan pantas (Kyla Steeves,2020). Terdapat banyak sistem yang digunakan untuk membuat tempahan atas talian.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian di sebuah ‘Cats Hotel’. Perniagaan ini dikenali sebagai Kayangan Cats Hotel & Spa yang menjalankan perniagaan di kawasan Bandar Perda, Pulau Pinang. Kayangan Cats Hotel & Spa ini beroperasi sebagai sebuah perniagaan milikan tunggal yang mempunyai perkhidmatan penjagaan kucing para pelanggan. Jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh perniagaan ini adalah ‘**Basic Grooming**’ untuk kucing. Walau bagaimanapun, kajian ini tertumpu kepada sistem yang dikendalikan oleh mereka. Di samping itu, pihak hotel juga melakukan perniagaan seperti menjual makanan minuman dan aksesori haiwan, menjalankan servis penghantaran haiwan, menternak haiwan seperti kambing, itik dan burung di ladang dan juga menjual haiwan, menjalankan perkhidmatan hotel untuk haiwan peliharaan dan menjual barang keperluan asas haiwan. Walau bagaimanapun, kajian ini tertumpu kepada sistem yang dikendalikan oleh mereka.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian mengenai masalah perniagaan ini dan mencari penyelesaian kepada masalah tersebut. Antara masalah yang dihadapi adalah pihak hotel sukar untuk mengenalpasti bilik yang tersedia sebelum menerima tempahan daripada pelanggan. Selain itu, pihak hotel mengambil masa yang agak lama untuk mengenalpasti kucing dan tempat kucing pada setiap bilik yang telah ditetapkan dalam tempoh pengambilan kucing oleh para pelanggan di Kayangan Cats Hotel & Spa. Akhir sekali, pihak hotel sering melakukan kesilapan untuk menghubungkan makanan dengan kucing

pelanggan kerana tiada penanda (tagging) dan label yang fleksibel pada setiap bilik di Kayangan Cats Hotel & Spa. Hal ini bertujuan untuk menarik perhatian para pelanggan kepada sistem tempahan yang akan dibangunkan supaya lebih memilih perniagaan ini untuk mendapatkan perkhidmatan kepada kucing-kucing mereka. Oleh sebab itu, kami bercadang untuk membuat sistem tempahan atas talian untuk menyelesaikan masalah Kayangan Cats Hotel & Spa ini dengan idea-idea inovasidan kreatif secara berkesan.

1.2 LATAR BELAKANG PROJEK

Melalui kajian yang telah dilakukan, perniagaan yang dipilih adalah Kayangan Cats Hotel & Spa. Pada 1 November tahun 2021, perniagaan Kayangan Cats Hotel & Spaini ditubuhkan dan bertempat di No. 497, Lorong Perda Timur 1, Bandar Baru Perda, 14000, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Waktu beroperasi adalah setiap hari kecuali hari Jumaat pada pukul 9 pagi hingga 7 petang. Para pelanggan perlulah membuat temu janji terlebih dahulu sebelum pergi ke sana. Temu janji Kayangan Cats Hotel & Spa secara atas talian iaitu di platform Whatsapp. Terdapat banyak produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kayangan Cats Hotel & Spa. Antara perkhidmatan utama dalam perniagaan ini adalah '**Basic Grooming**' yang dikhaskan untuk setiap kucing. Pada masa yang sama, pihak hotel juga melakukan beberapa jenis aktiviti perniagaan seperti menjual makanan minuman dan aksesori haiwan, menjalankan servis penghantaran haiwan, menternak haiwan seperti kambing, itik dan burung di ladang, menjual haiwan, menjalankan perkhidmatan hotel untuk haiwan peliharaan serta menjual barang keperluan asas haiwan. Walau bagaimanapun, perniagaan ini baru sahaja dalam proses perkembangan ke arah kemajuan dan kurang dikenali oleh orang ramai di kawasan tersebut.

Kayangan Cats Hotel & Spa mempunyai dua jenis bilik iaitu bilik VIP dan bilik Ekonomi. Bilik VIP merupakan bilik yang dibuka secara terhad kerana bilik tersebut cuma mempunyai 13 bilik sahaja. Setiap bilik ini hanya dibenarkan tiga ekor kucing sahaja tetapi mengikut juga atas budi bicara pihak staf dimana mereka akan bertolak-ansur untuk membenarkan empat ekor kucing sekaligus bagi menetap di satu bilik jika kucing tersebut milik kepunyaan seorang tuan atau pemelihara.

Kayangan Cats Hotel & Spa juga mempunyai bilik Ekonomi. Bilik Ekonomi pula merupakan bilik yang dibuka secara tidak terhad kerana bilik tersebut mempunyai 25 sangkar berbanding bilik VIP. Para pelanggan juga tidak dibenarkan masuk ke ruangan bilik VIP dan

bilik Ekonomi, hanya pihak staff sahaja dibenarkan ke ruangan tersebut. Hasil dari tinjauan, didapati bahawa Kayangan Cats Hotel & Spa ini meraih keuntungan yang banyak terutamanya pada musim cuti sekolah iaitu hari Sabtu, Ahad dan Isnin serta hari perayaan.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Teknologi maklumat telah menguasai global ini dengan berleluasa. Hampir setiap masyarakat akan menggunakan teknologi maklumat dengan mengawal setiap perkara di hujung jari masyarakat. Hal ini demikian kerana, teknologi maklumat diwujudkan adalah untuk menyenangkan kehidupan masyarakat yang terlalu sibuk. Kini, masyarakat mudah untuk membeli makanan atau keperluan asas melalui sistem yang sedia ada pada telefon pintar. Pemelihara kucing yang sibuk kerap berdepan masalah untuk menguruskan kucing kesayangan mereka jika terpaksa bekerja di luar kawasan atau pergi melancong dalam tempoh yang agak lama (Rohaiza 2017). Oleh itu, Kayangan Cats Hotel & Spa dipilih untuk dilakukan kajian tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh kedai tersebut. Melalui hasil kajian ini, terdapat beberapa masalah yang dialami oleh Kayangan Cats Hotel & Spa.

Antara masalah yang dihadapi oleh Kayangan Cats Hotel & Spa ialah pihak hotel tidak mempunyai sebarang sistem atau laman sesawang yang mudah untuk diakses. Oleh sebab itu, Kayangan Cats Hotel & Spa menggunakan platform “Whatsapp” bertujuan supaya para pelanggan dapat membuat tempahan bilik yang sedia ada di Kayangan Cats Hotel & Spa. Selepas pihak hotel menerima penempahan bilik daripada pelanggan melalui platform tersebut, pihak hotel akan mengurus dan mengumpulkan maklumat atau data peribadi pelanggan yang telah diisi untuk proses pemindahan data pelanggan ke dalam buku log. Dengan kaedah manual yang digunakan oleh pihak Kayangan Cats Hotel & Spa ini, ia akan menyebabkan berlakunya kesukaran terhadap pihak hotel bagi mengenalpasti bilik-bilik yang masih sedia ada.

Selain itu, masalah yang dihadapi oleh Kayangan Cats Hotel & Spa adalah pihak hotel mengambil masa yang terlalu lama untuk mengenalpasti kucing dan tempat kucing pada setiap bilik yang telah ditetapkan. Hal ini kerana, saiz penanda (tagging) yang terlalu kecil menyebabkan pihak Kayangan Cats Hotel & Spa sukar untuk mengenalpasti bilik yang diduduki oleh kucing pelanggan. Penanda (tagging) itu mengandungi butiran-butiran penting seperti nama pelanggan, bilangan kucing, tarikh kemasukan dan tarikh keluar. Pada masa yang sama, pihak hotel tidak mempunyai sebarang penanda (tagging) yang fleksibel pada sangkar dan makanan kucing. Hal ini akan mengakibatkan kesukaran untuk mengenalpasti sangkar dan

makanan kucing sekiranya pihak hotel ingin melakukan proses pengurusan kucing yang dihantar oleh pelanggan dari semasa ke semasa.

Bagi menyelesaikan masalah kajian yang telah dibuat, sistem penempahan bilik di Kayangan Cats Hotel & Spa merupakan satu sistem yang akan dihasilkan untuk memudahkan proses pengurusan staf seperti sedia kala. Selain daripada sistem yang dinyatakan, strategi penanda (tagging) yang bersaiz besar dan jelas berbanding saiz yang digunakan sebelum ini akan dilakukan bagi menjayakan sistem tersebut. Tujuan ini adalah untuk mempercepatkan masa dalam menentukan kucing para pelanggan. Bersama-sama sistem dan penanda (tagging) yang dicadangkan, setiap bilik juga turut dilabelkan nombor bagi memudahkan pihak staf Kayangan Cats Hotel & Spa dalam mengenalpasti nombor-nombor pada setiap bilik berkenaan. Oleh itu, dengan adanya strategi inovasi sebegini maka pihak hotel lebih mudah untuk mengenalpasti kucing para pelanggan dengan hanya berpandukan pada penanda dan label seperti yang telah pun dicadangkan.

1.4 ANALISIS KEPERLUAN

Analisis keperluan telah dijalankan untuk mengenalpasti keperluan yang diperlukan oleh perniagaan Kayangan Cats Hotel & Spa dan pengguna terhadap produk dan servis yang disediakan oleh perniagaan ini.

Skala tahap kepuasan hati

- 1) Sangat tidak memuaskan
- 2) Tidak memuaskan
- 3) Memuaskan
- 4) Sangat memuaskan.

Bahagian A – Penampilan KCHSBooking yang diperlukan

Bil.	Kenyataan	Skop yang dinilai			
		1	2	3	4
	A. Apakah penampilan KCHSBooking yang diperlukan				
1.	Jenis ‘font’ yang mudah dibaca				
2.	Susun atur ikon yang kemas				
3.	Penggunaan gambar yang mudah difahami				

(Keterangan peratusan skor yang dinilai)

Bahagian B – Ciri-ciri yang perlu ada pada KCHSBooking.

Bil.	Kenyataan	Skor yang dinilai			
		1	2	3	4
	A. Apakah ciri-ciri yang perlu ada dalam KCHSBooking				
1.	Mesra pelanggan				
2.	Mudah diisi				
3.	Bahasa yang mudah difahami				
4.	Mudah mengemaskini maklumat				

(Keterangan peratusan skor yang dinilai)

1.5 OBJEKTIF PROJEK

Projek ini dijalankan untuk:

- i. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Kayangan Cats Hotel & Spa.
- ii. Mencadangkan kaedah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kayangan Cats Hotel & Spa.
- iii. Menganalisis keberkesanan sistem yang dibangunkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kayangan Cats Hotel & Spa.

1.6 PERSOALAN PROJEK

- i. Apakah masalah yang dihadapi oleh Kayangan Cats Hotel & Spa ?
- ii. Apakah kaedah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kayangan Cats Hotel & Spa ?
- iii. Adakah sistem yang dibangunkan berkesan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kayangan Cats Hotel & Spa ?

1.7 SKOP PROJEK

Skop kajian ini memfokuskan kepada Kayangan Cats Hotel & Spa yang beroperasi di Bandar Baru Perda, Pulau Pinang. Satu sistem KCHSBooking dibangunkan untuk menyelesaikan masalah kesukaran mengenalpasti kekosongan bilik yang sedia ada yang dihadapi oleh pekerja di Kayangan Cats Hotel & Spa. Kayangan Cats Hotel & Spa ini mempunyai 2 orang pemilik dan 2 orang pekerja. Sistem ini diciptakan bagi memudahkan pekerja untuk membuat tempahan bilik daripada pelanggan dan memudahkan pengurusan pekerja untuk menyemak semula kekosongan bilik pada hari berkenaan. Dengan adanya sistem ini , ia juga dapat memajukan lagi Kayangan Cats Hotel & Spa malah akan menarik lagi minat para pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan di Kayangan Cats Hotel & Spa ini.

1.8 KEPENTINGAN PROJEK

Antara kepentingan projek yang dapat disenaraikan daripada inovasi yang akan dilakukan ini ialah dapat memudahkan urusan pihak hotel dalam proses penempahan bilik yang sedia ada dengan menggunakan sistem tempahan atas talian. Melalui sistem ini, pihak staf akan mengenalpasti bilik yang kekosongan dengan mudah dan pantas bagi proses penempahan bilik di Kayangan Cats Hotel & Spa. Nyatanya, sistem KCHSBooking ini membolehkan perniagaan menjadi lebih efektif dari segi pengurusan tempahan.

Selain itu, dengan wujudnya inovasi di Kayangan Cats Hotel & Spa ini adalah dapat menjimatkan masa pihak hotel untuk mengenalpasti kucing dan tempat kucing pada setiap bilik yang telah ditetapkan dengan penggunaan label dan penanda (tagging) di Kayangan Cats Hotel & Spa.

Jelaslah bahawa inovasi yang akan dibangunkan ini mampu meningkatkan potensi perniagaan yang telah dijalankan oleh Kayangan Cats Hotel & Spa ke arah sistem teknologi terkini yang mana rekod tempahan pelanggan juga dapat disemak secara mudah dengan penggunaan pangkalan data yang sistematik di dalam sistem KCHSBooking ini.

1.9 TAKRIFAN ISTILAH

i. Sistem Penempahan

- Menurut Wan Nur Hazieqah Adnan dan Ruhata Abd Aziz (2022) sistem penempahan adalah satu sistem yang dapat membantu pengguna untuk membuat tempahan bilik. Justeru, sistem ini dibangunkan untuk memudahkan pengguna bagi membuat tempahan bilik serta mengelakkan berlakunya penindanan tempahan di kalangan pengguna.
- Memandangkan kertas kerja ini memfokuskan berkaitan untuk menempahbilik,tarikh yang sedia ada. Ia berkeupayaan melakukan proses penempahan melalui jaringan internet dengan cara yang mudah dan pantas tanpa menggunakan proses manual.

ii. Pembangunan dan Latihan

- Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Syamsul Azizul Marinsah dan Irma Wani Othman (2021), pembangunan adalah satu aspek yang penting dalam sebuah organisasi atau institusi. Melalui pembangunan dan Latihan dapat meningkatkan pengetahuan, kebolehan dan kemahiran pekerja agar dapat melaksanakan tugas yang diberikan dengan lebih baik dan berkesan.

1.10 RUMUSAN

Sistem di dalam telefon pintar adalah teknologi baharu dapat membantu pengguna untuk mendapat segala maklumat dan menggunakan maklumat untuk memperbaiki pengurusan yangsedia ada pada masa kini dan efektif. Pada era globalisasi ini, hampir kesemua pengguna memiliki telefon pintar dan ia digunakan untuk pelbagai tujuan seperti untuk berkomunikasi, hiburan dan mencari maklumat yang sedia ada. Teknologi sistem telefon pintar dapat membantu peniagayang baru untuk memulakan perniagaan mereka terutamanya dalam bidang perkhidmatan. Oleh itu, kami telah memilih perniagaan Kayangan Cats Hotel & Spa yang beroperasi di No. 497, Lorong Perda Timur 1, Bandar Baru Perda, 14000, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Secara keseluruhan seperti latar belakang projek, pernyataan masalah, persoalan projek, objektif projek, analisis keperluan, skop projek dan kepentingan projek telah membincangkan berkaitan masalah yang wujud dan mengemukakan cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut dankami telah berbincang bersama pensyarah kami dimana kami sebulat suara akan membangunkan satu sistem yang boleh diguna pakai oleh perniagaan Kayangan Cats Hotel & Spa dan juga kedai kucing lain yang mempunyai masalah yang sama seperti perniagaan hotel kucing ini.

1.11 LAMPIRAN



Kedai Haiwan Peliharaan Kayangan Cats Hotel & Spa di Bandar Baru Perda,
Bukit Mertajam, Pulau Pinang



Temu bual bersama Encik Tarmizi iaitu pengurus Kayangan Cats Hotel & Spa.

BAB 2

KAJIAN LAPANGAN

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini meninjau keperluan pembangunan sistem KCHSBooking kepada pihak kedai Kayangan Cats Hotel & Spa yang bertempat di Bandar Baru Perda, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Pembangunan sistem KCHSBooking ini berdasarkan kepada keperluan kedai yang dikaji serta keperluan para pekerja terhadap kedai mereka. Keberkesanan sistem KCHSBooking ini juga akan dikaji berdasarkan kajian literatur dan inovasi-inovasi terdahulu.

2.2 KAJIAN TERDAHULU/ULASAN/SIASATAN

2.2.1 SISTEM TEMPAHAN

Sistem tempahan pengurusan adalah sebuah perisian computer yang dapat membantu pengguna-penggunanya dalam proses pengurusan. Menurut Azni Mohd Othman dan Azizul Azhar Ramli (2021) sistem pengurusan tertumpu ke atas sistem maklumat berasaskan computer yang ditujukan kepada para pengurus. Menurut Turban, McLean & Wetherbe (1), sistem maklumat merupakan satu komponen yang mengumpul, memproses, menyimpan, menganalisis dan menyebarkan maklumat untuk tujuan yang tertentu. Bagi sebuah organisasi yang mengaplikasikan sistem pengurusan ini adalah untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pelbagai tugas dalam pengurusan dan pentadbiran. Terdapat beberapa kelebihan dalam sistem pengurusan ini antaranya ialah mudah untuk mencari dan mencapai sesuatu data dan maklumat. Ini kerana Kayangan Cats Hotel & Spa mengalami masalah mengambil masa yang terlalu lama untuk mengenalpasti kucing yang sebenar. Dengan adanya sistem ini ia juga dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan mudah kerana data dan maklumat boleh diperolehi dengan tepat dalam masa yang singkat. Selain itu, sistem ini juga dapat menjimatkan masa pengurusan dan pentadbiran kerana para pekerja tidak perlu mengambil masa yang lama untuk memproses data dan maklumat. Akhir sekali, sistem ini juga boleh menyimpan segala data dan maklumat dengan lebih selamat, sistematik dan efisien.

2.2.2 KEPERLUAN SISTEM TEMPAHAN

Sistem tempahan adalah satu sistem yang membolehkan pengguna membuat tempahan secara atas talian. Pihak pengurusan memerlukan satu sistem berkomputer yang canggih bagi menggantikan sistem manual yang sedia ada. Sistem manual merupakan satu sistem lama yang menggunakan buku log untuk merekodkan tempahan pelanggan. Menurut LP Peladang (2017) , kewujudan sistem tempahan yang dibangunkan oleh pekerja dapat menjimatkan masa pengurusan tempahan bilik dan menjimatkan tenaga kerja serta dapat mengurangkan kos bayaran tenaga kerja . Selain itu, menurut Amirul Ridzuan Mohd Shafiea dan Muhammad Zulazizi Mohd Nawi (2021) bahawa kajian turut dijalankan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan ketika merekod tempahan yang terkini, efektif, dan mesra pelanggan . Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara tinjauan menerusi soal selidik yang diedarkan kepada 4 orang responden untuk menjawab soal selidik berkenaan. Dapatan kajian menunjukkan , kaedah aplikasi merekod tempahan memberikan impak positif terhadap penilaian pelanggan . Hasil kajian menunjukkan pengaplikasianya perlu diteruskan bagi meningkatkan kecekapan merekod tempahan, sekali gus dapat merancakkan lagi perkhidmatan perniagaan .

Selain itu , perkara ini di persetujui oleh Nurul Afizah Samiran dan Mohd Hamdi Irwan Hamzah (2021) dimana pengkaji menyimpulkan bahawa sistem tempahan ini dijangka akan memudahkan proses tempahan daripada pelanggan dan memudahkan pihak pengurusan menguruskan tempahan daripada pelanggan. Di samping itu , menurut Azni Mohd Othman dan Azizul Azhar Ramli (2021) bahawa secara amnya, aplikasi tempahan dibangunkan untuk membantu dalam pengurusan tempahan dan laporan yang berkaitan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam pengurusan tempahan melalui pelaksanaan interaktif antara muka sistem, pangkalan data dan komunikasi pengguna. Seterusnya , menurut Muhammad Nazmi Bin Zainudin dan Mohamad Khatim Hassan (2021) dengan adanya sistem tempahan ini boleh menghasilkan pengguna yang mesra dengan teknologi sekarang. Akhir sekali , perkara ini di persetujui oleh Abdullah M. (2020) bahawa apabila ada keperluan, ada inovasi. Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada kita untuk melaksanakan transformasi negara kepada negara berteraskan teknologi dan sains.

2.2.3 KEBERKESANAN SISTEM TEMPAHAN

Dalam meniti arus kemodenan ini, konteks yang disokong oleh Fazilatul Haida Binti Hidzir, Mohd Kamal Bin Mat Desa, Mariappan A/L Gopalakrishnan (2021) mengatakan bahawa Industri 4.0 telah mengubah cara bekerja dan kehidupan. Perubahan ini dipacu tiga domain teknologi utama iaitu fizikal, digital dan biologikal yang merentasi sembilan tonggak Industri 4.0 yang merangkumi simulasi dan realiti maya, integrasi sistem menegak dan melintang, industri Internet of Things (IoT), keselamatan siber, dan pengkomputeran awan. Seperti yang sedia maklum, hampir setiap lapisan masyarakat menggunakan teknologi yang ada dan sistem teknologi jugalah menyebabkan kita mampu menguasai dan mengawal hampir setiap perkara di hujung jari sahaja. Hal ini kerana terdapat pelbagai inovasi dan penciptaan baharu yang telah dihasilkan selaras dengan perkembangannya serta kemajuan yang ada pada masa kini.

Mereka berpendapat bahawa teknologi ini dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung dan dapat menangani masalah kebergantungan terhadap sumber tenaga yang secara signifikan. Dengan wujudnya sistem teknologi ini, banyak kelebihan yang boleh dimanfaatkan. Antaranya ialah memudahkan staf, menjimatkan masa staf, meringankan beban dan kekangan kekurangan staf serta mengurangkan kontak secara bersemuka yang melibatkan komunikasi antara staf dan pelanggan. Secara empirik, mereka mendapati bahawa majoriti menjustifikasi melalui tindakbalas kepada pentingnya sistem tempahan atas talian bagi mengatasi masalah dalam mengenalpasti kekosongan bilik untuk melakukan proses penempahan. Penghasilan sistem tempahan atas talian ini sekaligus dapat membantu dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan menjadi lebih cepat dan berkesan. Justeru, ia menjadikan suatu tanggungjawab dalam sentiasa memastikan penambahbaikan sistem ini dari semasa ke semasa untuk terus memperkembangkan lagi penggunaannya selaras dengan memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

2.4 KADEAH SISTEM TEMPANAH

Sistem KCHSBooking adalah cara untuk mengisi segala maklumat pelanggan dengan lebih jelas dan mudah. Sistem KCHSBooking adalah sebuah simulasi dari suatu lingkungan nyata yang ditampilkan secara atas talian, biasanya dari segi tarikh, masa, bilik yang ingin ditempah dan maklumat pelanggan. Istilah ‘sistem tempahan’ adalah satu sistem yang membolehkan pengguna membuat tempahan secara atas talian. Pihak pengurusan memerlukan satu sistem berkomputer yang canggih bagi menggantikan sistem manual yang sedia ada. Sistem manual merupakan satu sistem lama yang menggunakan buku log untuk merekodkan tempahan pelanggan. Menurut LP Peladang (2017), kewujudan sistem tempahan yang dibangunkan oleh pekerja dapat menjimatkan masa pengurusan tempahan bilik dan menjimatkan tenaga kerja serta dapat mengurangkan kos bayaran tenaga kerja.

2.4 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, Bab 2 telah membincangkan pengurusan sistem tempahan kepada Kayangan Cats Hotel & Spa, keberkesanan sistem tempahan kepada mereka serta keperluan sistem ini untuk Kayangan Cats Hotel & Spa.

BAB 3

METODOLOGI / REKA BENTUK

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini akan menerangkan tentang prosedur untuk menbangunkan sistem di Kayangan Cats Hotel & Spa . Kemudian penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi persampelan, perkembangan instrument, teknik pengumpulan data dan analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 REKA BENTUK PROJEK

MODEL ADDIE

Dibangunkan pada tahun 1970-an, ADDIE masih merupakan model yang paling biasa digunakan untuk reka bentuk pengajaran. Model Addie ialah metodologi reka bentuk pengajaran yang digunakan untuk membantu mengatur dan menyelaraskan penghasilan kandungan kursus. Ia mudah dan berkesan.

Lima fasa yang terdapat di dalam Model ADDIE, antaranya ialah :

A – ANALYSIS (ANALISIS)

D – DESIGN (REKA BENTUK)

D – DEVELOPMENT (PEMBANGUNAN)

I – IMPLEMENTATION (PELAKSANAAN)

E – EVALUATION (PENILAIAN)

1) ANALYSIS (ANALISIS)

Pada peringkat ini ia melibatkan beberapa proses penentuan serta mengenalpasti masalah yang ingin diselesaikan. Setelah sesuatu masalah dapat dikenalpasti proses analisis akan dilaksanakan bagi mencari apakah punca atau faktor yang berkaitan atau yang menimbul masalah tersebut.

Analisis merupakan asas untuk fasa-fasa seterusnya dalam rekabentuk pengajaran. Antara perkara yang dilakukan dalam fasa ini adalah memperjelaskan masalah, mengenalpasti sumber masalah dan menentukan penyelesaian masalah. Fasa ini melibatkan teknik kajian seperti analisis kehendak, analisis kerja dan analisis tugas. Output bagi fasa ini termasuklah matlamat pengajaran dan senarai tugas yang perlu diajar. Kesemua output ini akan menjadi input bagi fasa rekabentuk.

2) DESIGN (REKA BENTUK)

Setelah rancangan projek selesai, kemudiannya sampai ke fasa reka bentuk iaitu fasa inilah mengambil semua pembelajaran fasa sebelumnya dan menggunakan untuk membuat keputusan praktikal. Ini termasuk strategi, kaedah penyampaian, struktur, tempoh, penilaian dan maklum balas. Langkah seterusnya ialah papan cerita idea anda dan/atau buat prototaip. Penciptaan rangka tindakan untuk projek kursus, dan dengan membuat prototaip boleh berkomunikasi dengan cepat dengan pihak berkepentingan lain tentang nilai latihan.

Fasa ujian awal prototaip sentiasa idea yang baik, ini adalah pemeriksaan kewarasian yang dijalankan sebelum bergerak terlalu jauh ke hadapan dan harus mengeluarkan gambaran keseluruhan reka bentuk kursus dan papan cerita/prototaip.

3) DEVELOPMENT (PEMBANGUNAN)

Peringkat ini melibatkan membina sistem sebenar dengan menggunakan semua elemen media dan teknologi yang terpilih berdasarkan keperluan.

Dibina berdasarkan fasa analisis dan rekabentuk. Tujuan fasa ini ialah untuk menghasilkan rancangan pengajaran dan bahan pembelajaran. Semasa fasa ini akan dibangunkan, langkah pengajaran serta media yang bakal digunakan dalam pengajaran dan

dokumen lain yang diperlukan. Output dalam fasa rekabentuk akan menjadi input kepada fasa pembangunan. Kerja-kerja pembangunan projek mulimedia akan dilakukan mengikut spesifikasi keperluan yang dipersetujui. Setiap pembangunan akan diuji agar ia konsisten dan dapat beroperasi dengan berkesan.

4) IMPLEMENTATION (PELAKSANAAN)

Di peringkat ini, bahan pengajaran yang telah disediakan akan digunakan atau dilaksanakan dalam keadaan sebenar. Projek multimedia yang telah disiapkan akan diuji kepada pengguna sebenar bagi mengenalpasti kesilapan semasa proses pembangunan projek berlaku. Sekiranya berlaku kesilapan, pembaikan akan dilakukan sebelum ia diserahkan sepenuhnya kepada pengguna sasaran untuk digunakan.

5) EVALUATION (PENILAIAN)

Penilaian terbahagi kepada dua bahagian iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif merangkumi setiap fasa dalam proses ADDIE. Format penilaian seharusnya dilakukan terhadap semua peringkat untuk memastikan keberkesanannya.


Penilaian sumatif pula hanya melibatkan rekabentuk pengujian yang spesifik sahaja yang memerlukan maklumbalas pengguna seperti isi kandungan, strategi dan elemen multimedia melalui kaedah temubual, soal selidik, penyeliaan dan ujian. Penilaian sumatif biasanya berlaku di peringkat akhir sesuatu projek penghasilan bahan pengajaran diselesaikan.

3.2.1 TEKNIK PENGHASILAN PROJEK

Dalam proses menghasilkan sistem KCHSBooking, terdapat beberapa langkah yang perlu dijalankan seperti yang berikut :

LANGKAH 1


Pengkaji mengumpul segala maklumat daripada Kayangan Cats Hotel & Spa untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh mereka. Masalah tersebut dicatat dan diselesaikan dengan membangunkan satu sistem iaitu **KCHSBooking**.



Rajah 3.1

LANGKAH 2


Setelah klik “ **Template – Room Booking** ” , kemudian klik “ **Make a copy** ”.



Rajah 3.2

LANGKAH 3

Seterusnya, halaman utama akan dipaparkan. Kemudian, klik mengikut anak panah yang telah ditunjukkan seperti di bawah. Pada langkah ini, pengkaji akan menukar nama sistem, nombor bilik, tahun dan hari (last day).



Rajah 3.3

LANGKAH 4

Seterusnya klik bahagian “ Reservations ” , pengkaji menukar “ Room Day (No cats) ” pada kolumn “ Rate ” bagi memenuhi keperluan dan kehendak Kayangan Cats Hotel & Spa.

BOOKING RECORDS									
Room #	Name	Tel.	Email	Check-In	Check-Out	Room Nights	Rate	Check-In	Check-Out
F101A	Guest 1			1/10/2019	8/10/2019	7		1/11/2019	
F101A	Guest 2			16/10/2019	18/11/2019	33		1/11/2019	18/11/2019
F101A	Guest 3			22/11/2019	23/11/2019	1		22/11/2019	23/11/2019
F101A	Guest 4			1/1/2020	15/1/2020	14		1/1/2020	15/1/2020
F102A	Guest 5			05/01/2020	8/1/2020	3		5/1/2020	8/1/2020
S301A	Guest 6			15/1/2020	25/01/2020	10		15/1/2020	25/1/2020
S202A	Guest 7			16/11/2019	22/11/2019	6		16/11/2019	22/11/2019
T302B	Guest 8			22/11/19	22/12/19	30		22/11/2019	22/12/2019
S301A	Guest 9			10/11/19	14/11/19	4		10/11/2019	14/11/2019
S301A	Guest 10			14/11/19	20/11/19	6		14/11/2019	20/11/2019

Rajah 3.4

LANGKAH 5

Akhir sekali, pada bahagian “ **Filtered** ” , pengkaji memastikan butiran-butiran seperti nombor bilik, tarikh masuk dan keluar, serta tahun perlulah sama dengan halaman utama supaya sistem ini dapat berjalan dengan lancar.

Period	1-Nov-19 to 31-Jan-20																														
Room #	Check-In	Check-Out	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	
F101A	1/11/2019	18/11/2019	43770	43771	43772	43773	43774	43775	43776	43777	43778	43779	43780	43781	43782	43783	43784	43785	43786												
F101A	22/11/2019	23/11/2019	43791																												
F101A	1/1/2020	15/1/2020	43831	43832	43833	43834	43835	43836	43837	43838	43839	43840	43841	43842	43843	43844															
F102A	5/1/2020	8/1/2020	43865	43866	43867																										
S301A	15/1/2020	25/1/2020	43845	43846	43847	43848	43849	43850	43851	43852	43853	43854																			
S202A	16/11/2019	22/11/2019	43785	43786	43787	43788	43789	43790																							
T302B	22/11/2019	22/12/2019	43791	43792	43793	43794	43795	43796	43797	43798	43799	43800	43801	43802	43803	43804	43805	43806	43807	43808	43809	43810	43811	43812	43813	43814	43815	43816			
S301A	10/11/2019	14/11/2019	43779	43780	43781	43782																									
S301A	14/11/2019	20/11/2019	43783	43784	43785	43786	43787	43788																							

Rajah 3.5

3.2.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA / BAHAN DAN PERALATAN


Kami menggunakan aplikasi Microsoft Excel untuk membangunkan sistem tempahan di Kayangan Cats Hotel & Spa. Microsoft Excel menjadi pilihan kami sekumpulan kerana ia tidak memerlukan sebarang kos untuk membangunkan sistem. Microsoft Excel ini memudahkan kami untuk membangunkan sesuatu sistem berdasarkan kreativiti kami sendiri.

- i. Komputer riba – diperlukan untuk mengakses aplikasi software Microsoft Excel dan mengakses kerja kami dengan lebih cekap.
- ii. Telefon pintar – digunakan untuk menguji inovasi sistem ini sama ada ia dapat berfungsi dengan baik atau tidak.
- iii. Sambungan internet – diperlukan untuk melayari laman web dan memudahkan untuk mengakses sistem ini.

CARA UNTUK MENGENDALIKAN SISTEM :

LANGKAH 1

Langkah pertama adalah sistem KCHSBooking akan dihantar melalui e-mel. Kemudian, buka e-mel dan tekan “ Open ” pada dokumen “ KCHSBooking ” tersebut untuk langkah seterusnya.



LANGKAH 2

Halaman utama dipaparkan setelah klik “ Open ” pada dokumen di atas. Halaman utama mengandungi butiran-butiran seperti nombor bilik, tarikh, hari serta ruang bilik yang masih sedia ada.

A screenshot of the KCHSBooking Google Sheets interface. The top menu includes File, Edit, View, Insert, Format, Data, Tools, Extensions, Help, and a status bar indicating 'Last edit was seconds ago'. The sheet itself has columns labeled A through Z and rows labeled 1 through 15. Row 3 is labeled 'Room Numbers' and contains 'VIP 1' through 'VIP 12'. Column A is labeled 'W16'. The main body of the sheet shows room availability from '1-Nov-22' to '31-Jan-23'. Cells are color-coded: green for 'Available', yellow for 'Not Available', and red for 'Not Available (Last Day)'. The interface includes various Google Sheets tools like filters, sort icons, and a 'Share' button. At the bottom, there are tabs for '+', 'Availability', 'Reservations', 'Filtered', and 'Notes', along with an 'Explore' button.

LANGKAH 3

Kemudian, klik pada bahagian bawah iaitu “ **Reservations** ” untuk ke halaman merekod data pelanggan.

The screenshot shows a Google Sheets document with the title 'W16'. The main content is a calendar grid for rooms, with rows labeled 'Room Numbers' from 1 to 15 and columns for dates from 1-Nov-22 to 21-Dec. The grid uses color coding: green for 'Available', yellow for 'Not Available (Last Day)', and red for 'Not Available'. Below the grid, there are tabs for 'Availability', 'Reservations' (which is highlighted in green), 'Filtered', and 'Notes'. A yellow arrow points to the 'Reservations' tab.


LANGKAH 4

Seterusnya, pihak staf perlu klik pada (A3) untuk tetapkan nombor bilik dan mengisi nama, nombor telefon, e-mel, bilangan hari serta bilangan kucing di ruangan yang telah disediakan bertujuan untuk simpanan rekod penempahan.

The screenshot shows a Google Sheets document with the title 'A3'. The main content is a table titled 'BOOKING RECORDS' with columns: Room #, Name, Tel., Email, Check-In, Check-Out, Room Nights, Room day (No cats), Check-In, and Check-Out. Row 3 shows data for 'VIP 1' with 'yat' in the Name column and 'yat99@gmail.com' in the Email column. The 'Email' column for other rows (4-13) is empty. The 'Room day (No cats)' column for 'VIP 1' contains '3 4 days 1 ekor sahaja'. At the bottom of the table, there is a note '1000 more rows at bottom.' Below the table, there are tabs for 'Availability', 'Reservations' (highlighted in green), 'Filtered', and 'Notes'.

LANGKAH 5


Setelah mengisi data peribadi pelanggan, klik sebanyak dua kali pada bahagian “ **Check In** ” sehingga muncul penjadual dan tetapkan tarikh yang ditempah oleh pelanggan. Lakukan cara yang sama pada bahagian “ **Check Out** ”.



The screenshot shows a spreadsheet application with a title bar "KCHSBooking". The main content is a table titled "BOOKING RECORDS". A modal calendar window is open over the table, centered on November 2022. The calendar shows days from 1 to 30. Two specific dates are highlighted: November 24 (a Saturday) and November 25 (a Sunday). Both of these dates are circled in green, indicating they are selected or being considered for booking. The table rows below show room bookings, with the first row for VIP 1 having "24/11/2022" and "27/11/2022" entered in the Check-In and Check-Out columns respectively. The "Room Nights" column for this row shows "3 4 days 1 ekor sahaja". The bottom of the calendar window has buttons for "Add" and "1000 more rows at bottom".

LANGKAH 6

Setelah selesai menetapkan tarikh masuk dan keluar, kolumn “ **Room Nights** ” akan dikira secara automatik berdasarkan tetapan tarikh yang telah dilakukan. Kemudian, klik pada bahagian bawah iaitu “ **Availability** ” untuk ke halaman utama.



This screenshot shows the same "BOOKING RECORDS" table as the previous one, but the modal calendar window is no longer present. The "Room Nights" column for the first row (VIP 1) now displays "3 4 days 1 ekor sahaja" without the need for manual calculation. A red arrow points to the "Availability" button in the bottom navigation bar, which is highlighted in green, indicating it is the active tab. The rest of the table and interface remain consistent with the previous screenshot.

LANGKAH 7

Selepas klik pada bahagian “ **Availability** ”, bilik yang ditempah pada halaman “ **Reservations** ” akan terus berwarna di ruang kotak tertentu mengikut fungsi warna yang ditetapkan di bahagian atas tersebut.

The screenshot shows the KCHSBooking software interface in the 'Availability' view. The main area is a 6x21 grid representing weeks from November 1 to December 12. The columns are labeled A through AQ. Row 3 is labeled 'Room Numbers' and contains room numbers 1 through 15. Row 1 has a header 'W16'. Row 2 has a header '1-Nov-22 << START' and '31-Jan-23 << END'. The grid uses color coding: teal for 'Available', yellow for 'Not Available', and red for 'Not Available (Last Day)'. Specific dates like November 16, 23, 24, 25, and December 1, 2, 3 are highlighted in yellow or red. The bottom navigation bar includes tabs for 'Availability', 'Reservations', 'Filtered', and 'Notes'.

LANGKAH 8

Pihak staf juga boleh klik pada bahagian bawah iaitu “ **Filtered** ” untuk ke halaman yang menunjukkan nombor bilik dan tarikh masuk keluar. Oleh itu, data pelanggan telah berjaya direkodkan.

The screenshot shows the KCHSBooking software interface in the 'Filtered' view. It displays a table for room B21 with the following data:

Period	1-Nov-22 to 31-Jan-23	
Room #	Check-In	Check-Out
VIP 1	24/11/2022	27/11/2022
5		
6		
7		
8		
9		
10		
11		
12		
13		
14		
15		
16		
17		
18		
19		

The bottom navigation bar includes tabs for 'Availability', 'Reservations', 'Filtered', and 'Notes'.

INOVASI TAMBAHAN SELAIN SISTEM TEMPAHAN

LABEL BILIK



TAGGING BILIK



TAGGING MAKANAN & SANGKAR



3.2.3 KAJIAN RINTIS

Produk ini telah dibangunkan mengikut keperluan Kayangan Cats Hotel & Spa dan hasil analisis keperluan yang melibatkan 4 orang pekerja Kayangan Cats Hotel & Spa. Produk ini kemudian di uji kaji di Kayangan Cats Hotel & Spa tersebut. Seramai 4 responden yang terlibat termasuk tuan kedai yang mengambil bahagian dalam uji kaji ini.

3.2.4 MAKLUM BALAS KAJIAN RINTIS

Borang soal selidik digunakan untuk mendapat maklumbalas kajian rintis ini. Hasil yang dilakukan daripada maklum balas menunjukkan bahawa sistem ini perlu ada penambahbaikan dari segi maklumat yang ditayangkan. Hal ini terjadi kerana kami menggunakan maklumat yang ringkas dan biasa. Maka maklumat yang dihasilkan kurang sesuai.


3.2.5 PENAMBAHBAIKAN SISTEM

Hasil dari maklumbalas kajian rintis, beberapa penambahbaikan akan dilaksanakan pada bahagian rekod tempahan dengan memaparkan butiran-butiran yang lebih efisien terutamanya e-mel pelanggan. Kebiasaanya, pihak staf tidak menyediakan ruang untuk pelanggan mengisi butiran e-mel dalam maklumat penginapan yang dilakukan di platform “Whatsapp”. Selain itu, hasil dari dapatan maklum balas kajian tersebut menunjukkan bahawa sistem ini perlu melakukan penambahbaikan dari segi penambahan ruang untuk bahagian deposit atau jumlah bilangan kucing. Oleh itu, kami akan melengkapkan butiran-butiran yang sentiasa digunakan oleh Kayangan Cats Hotel & Spa untuk memastikan segala data-data peribadi pelanggan dikumpul dan direkodkan dengan mudah dan terjamin keselamatannya.


3.3 KAEADAH ANALISIS DATA

Hasil dapatan soal selidik ini telah dianalisis secara manual melalui set soal selidik kepada pekerja dan pengurus, Kayangan Cats Hotel & Spa yang terlibat dengan penggunaan sistem tempahan iaitu KCHSBooking. Kaji selidik ini mengambil masa selama 5 hari iaitu dari proses mengedarkan set soal kaji selidik sehingga set soal kaji selidik itu kembali ke tangan

kami. Kami telah menambahbaik fungsi sistem yang digunakan dan juga bahasa yang mudah difahami. Soal selidik diberikan kepada 4 orang responden.



Hasil kajian ini menunjukkan bahawa 100% membala " Ya " untuk penggunaan jenis font yang digunakan dalam sistem **KCHSBooking** ini sesuai.



Seterusnya, hasil kajian yang telah dibuat mendapati bahawa 100% telah menjawab " Ya " pada soalan berkenaan warna yang digunakan dalam sistem **KCHSBooking** ini sesuai.

3. Sistem **KCHSBooking** ini mempunyai perincian butiran yang lengkap.

4 responses

● Ya
● Tidak

100%

Selanjutnya, hasil kajian yang telah dibuat mendapati bahawa 100% telah menjawab “ Ya ” pada soalan berkenaan perincian butiran yang lengkap di dalam sistem **KCHSBooking**.

4. Perincian butiran di bahagian rekod penempahan mudah difahami dan sesuai dalam sistem **KCHSBooking**.

4 responses

● Ya
● Tidak

100%

Hasil kajian yang telah dibuat, sebanyak 100% telah menjawab “ Ya ” bagi soalan perincian butiran di bahagian rekod penempahan mudah difahami dan sesuai dalam sistem **KCHSBooking**.

5.KCHSBooking ini mudah bagi pihak staf untuk mengenalpasti bilik yang sedia ada sebelum memaklumkan kepada pelanggan.

4 responses



Hasil kajian pada soalan kelima ini menunjukkan 100% yang menjawab “ Ya ” untuk soalan **KCHSBooking** ini mudah bagi pihak staf untuk mengenalpasti bilik yang sedia ada sebelum memaklumkan kepada pelanggan.

6.KCHSBooking ini memudahkan pihak staf untuk mengemaskini maklumat para pelanggan.

4 responses



Bagi soalan KCHSBooking ini memudahkan pihak staf untuk mengemaskini maklumat para pelanggan juga memperoleh sebanyak 100% telah menjawab “ Ya ” yang bermaksud mereka setuju akan pernyataan tersebut.

7.Pengurusan pihak staf menjadi lebih mudah dan cepat selepas menggunakan sistem **KCHSBooking**.

4 responses



Hasil respons daripada responden, 100% telah menjawab “ Ya ” bagi soalan berkenaan dengan pengurusan pihak staf menjadi lebih mudah dan cepat selepas menggunakan sistem **KCHSBooking**.

8.Fungsi sistem tempahan yang digunakan dalam sistem **KCHSBooking** ini berfungsi dengan baik.


4 responses



Hasil respon daripada responden, fungsi sistem tempahan yang digunakan dalam sistem **KCHSBooking** ini berfungsi dengan baik juga sebanyak 100% yang menjawab “ Ya ”.



Hasil kajian yang dibuat telah menunjukkan bahawa soalan ini meraih 100% yang menjawab “ Ya ” bagi soalan **KCHSBooking** ini boleh dikategorikan sebagai mesra pelanggan.



Hasil kajian yang telah dibuat, ini menunjukkan sebanyak 75% mengatakan “ Ya ” manakala sebanyak 25% yang mengatakan “ Tidak ” untuk soalan sistem **KCHSBooking** ini mudah untuk diakses. Hal ini disebabkan oleh, pihak staf tidak mempunyai kepakaran dalam ilmu digital.

SWOT ANALISIS

Analisis SWOT adalah salah satu alat yang sering digunakan untuk menilai persekitaran dalaman dan luaran syarikat dan merupakan sebahagian daripada proses perancangan strategik syarikat. Strategi Korporat memfokuskan pada bagaimana menguruskan sumber, risiko dan pulangan di sebuah syarikat berbanding untuk melihat daya saing dalam strategi perniagaan. Selain itu, SWOT adalah singkatan daripada Strengths (kekuatan), Weaknesses (kelemahan), Opportunities (peluang) dan Threats (ancaman).

3.4 IMPAK PROJEK

Inovasi KCHSBooking telah diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Kayangan Cats Hotel & Spa.

Penghasilan sistem KCHSBooking ini secara tidak langsung dapat membantu Kayangan Cats Hotel & Spa dalam proses penempahan bilik dengan lebih mudah dan berkesan. Sistem KCHSBooking ini juga telah berjaya mengubah cara penyimpanan data pelanggan di Kayangan Cats Hotel & Spa. Dalam pada itu, penghasilan penanda (tagging) dan label juga berperanan dalam memudahkan proses pengurusan pihak staf di Kayangan Cats Hotel & Spa.

b) Impak Produk Terhadap Masa.

Penggunaan sistem KCHSBooking telah banyak membantu pihak staf Kayangan Cats Hotel & Spa dari segi masa dalam mengenalpasti bilik yang sedia ada apabila pelanggan ingin melakukan tempahan bilik di Kayangan Cats Hotel & Spa. Penggunaan sistem ini lebih berfungsi kepada pihak staf Kayangan Cats Hotel & Spa dimana info dapat dimaklumkan secara pantas kepada pelanggan sekiranya pihak staf mendapati bahawa bilik telah penuh atau tiada kosongan. Oleh itu, pelanggan tidak perlu bersusah payah datang ke kedai untuk proses penempahan bilik secara bersemuka di Kayangan Cats Hotel & Spa.

Selain itu, penggunaan penanda (tagging) telah diletakkan pada setiap bilik, makanan dan sangkar kucing manakala label pula merupakan satu informasi yang memaparkan nombor pada setiap bilik berkenaan. Kedua-dua penghasilan ini juga membantu pihak staf Kayangan Cats Hotel & Spa ke arah penjimatan masa dari segi mengenalpasti tempat kucing pada setiap bilik yang telah ditetapkan berbanding dengan keadaan sebelumnya.

c) Impak Produk Terhadap Tenaga.

Penggunaan sistem KCHSBooking ini telah membantu proses pengurusan pihak staf ke arah penjimatan tenaga. Sebelum ini, pihak hotel perlu menyemak bilik yang sedia ada dengan melakukan pergerakan berulang kali bagi memastikan ketersediaan bilik di Kayangan Cats Hotel & Spa. Hal ini akan menyebabkan satu pembaziran tenaga kepada pihak staf dan berlakunya keletihan yang ketara dalam mengurus kerja di Kayangan Cats Hotel & Spa.

Pada masa yang sama, penghasilan label pada setiap bilik juga akan meringankan bebanan kerja pihak staf Kayangan Cats Hotel & Spa berbanding keadaan sebelumnya yang mana tiada sebarang label yang diletakkan pada setiap bilik kucing. Pihak staf hanya memaklumkan kepada pelanggan sekiranya terdapat bilik yang sedia ada tanpa mengetahui nombor bilik berkenaan. Seterusnya, penggunaan penanda (tagging) pada setiap bilik, makanan dan sangkar kucing juga dapat mempercepatkan proses pengurusan dan menjimatkan tenaga kerja pihak staf di Kayangan Cats Hotel & Spa.

3.5 RUMUSAN

Secara kesimpulannya, Bab 3 ini lebih menerangkan tentang penggunaan KCHSBooking ini, proses-proses dalam membuat KCHSBooking ini, kajian rintis, penambahbaik sistem KCHSBooking, maklum balas kajian rintis serta impak- impak yang menarik dalam penghasilan sistem KCHSBooking ini. Seterusnya, dalam bab ini juga kami telah membuat beberapa analisis bagi memastikan sistem KCHSBooking ini boleh diterima oleh para pekerja dalam penggunaan sistem KCHSBooking di Kayangan Cats Hotel & Spa. Kami telah menerima beberapa perkara yang perlu dianalisis dalam penghasilan sistem KCHSBooking ini agar dapat memberi tahu akan keberkesanan sistem KCHSBooking ini. Akhirnya, kami juga telah memasarkan para pengguna yang akan mengakses sistem KCHSBooking ini iaitu terdiri daripada para pengedar-pengedar sekitar Bandar Baru Perda, Pulau Pinang mahupun kawasan di Pulau Pinang.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan tentang dapatan kajian, kelebihan produk, kekurangan produk, masalah dalam penghasilan sistem, ujikaji-ujikaji yang dijalankan yang melibatkan analisis kewangan untuk projek yang terhasil iaitu kos yang terlibat serta masa yang diambil untuk membangunkan sistem ini.

4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

Dapatan kajian atau pengujian sistem KCHSBooking yang disiapkan oleh kami menunjukkan KCHSBooking mendapat maklum balas yang positif daripada 4 orang responden. Perkara ini dapat dibuktikan melalui statistik data daripada soal kaji selidik yang dikumpul dan disenaraikan di jadual (rujukan di bawah) :

SOALAN/JAWAPAN	SETUJU		TIDAK SETUJU		LAIN-LAIN	
	No	(%)	No	(%)	No	(%)
1. Jenis font yang digunakan dalam sistem KCHSBooking ini sesuai.	4	100%	0	0%	0	0%
2. Warna yang digunakan dalam sistem KCHSBooking ini sesuai.	4	100%	0	0%	0	0%
3. Sistem KCHSBooking ini mempunyai perinician butiran yang lengkap.	4	100%	0	0%	0	0%

4. Perinician butiran di bahagian rekod penempahan mudah difahami dan sesuai dalam sistem KCHSBooking .	4	100%	0	0%	0	0%
5. KCHSBooking ini mudah bagi pihak staf untuk mengenalpasti bilik yang sedia ada sebelum memaklumkan kepada pelanggan.	4	100%	0	0%	0	0%
6. KCHSBooking ini memudahkan pihak staf untuk mengemaskini maklumat para pelanggan.	4	100%	0	0%	0	0%
7. Pengurusan pihak staf menjadi lebih mudah dan cepat selepas menggunakan sistem KCHSBooking .	4	100%	0	0%	0	0%
8. Fungsi sistem tempahan yang digunakan dalam sistem KCHSBooking ini berfungsi dengan baik.	4	100%	0	0%	0	0%
9. Sistem KCHSBooking ini boleh dikategorikan sebagai mesra pelanggan.	4	100%	0	0%	0	0%
10. Sistem KCHSBooking ini mudah untuk diakses.	3	75%	1	25%	0	0%

Keberkesanan produk ini juga dianalisis dengan menggunakan analisis SWOT. SWOT dijalankan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Kayangan Cats Hotel & Spa. Hasil SWOT yang telah di analisis adalah seperti di bawah:

SWOT ANALISIS

S- Strength (Kekuatan)

- a) Dapat memajukan Kayangan Cats Hotel & Spa dan memudahkan pekerja untuk menerima penempahan daripada para pelanggan.
- Sistem KCHSBooking adalah salah satu faktor kemajuan Kayangan Cats Hotel & Spa kerana wujudnya sistem tempahan yang efisien dan sentiasa kemaskini dengan trend semasa. Selain kaedah sistem, penanda (tagging) dan label juga dilakukan khas bagi setiap bilik, makanan dan sangkar kucing yang bertujuan untuk memudahkan urusan pihak staf dalam mengurus kerja sehariannya mereka. Oleh itu, sistem tempahan dan penanda serta label akan menyeragamkan proses pengurusan di Kayangan Cats Hotel & Spa.

W-Weakness (Kelemahan)

- a) Kurang dari segi kepelbagaian ciri-ciri dalam sistem.
- Sistem KCHSBooking memiliki kelemahan dari segi mempelbagaikan ciri-ciri lain di dalam sistem tersebut. Sistem KCHSBooking tidak mempunyai satu fungsi iaitu pembayaran atas talian. Oleh itu, para pelanggan hanya boleh membayar deposit secara tunai. Tetapi pembayaran atas talian mungkin boleh ditambah pada masa akan datang.

O- Opportunities (Peluang)

- a) Tidak banyak kedai haiwan peliharaan lain menggunakan sistem KCHSBooking.
- Oleh kerana sistem tempahan KCHSBooking tidak banyak perniagaan luar yang menggunakan ia, ia telah membuka peluang keemasan kepada Kayangan Cats Hotel & Spa untuk memajukan dan mengembangkan lagi perniagaan mereka ke arah yang lebih tinggi. Jadi, Kayangan Cats Hotel & Spa perlulah menggunakan peluang sebaik baik mengikut perubahan teknologi dari masa ke semasa.

T-Threats (Ancaman)

- a) Berkemungkinan kedai-kedai lain juga akan membangunkan sistem seperti ini.
- Pada era sekarang ini, ramai orang terutamanya peniaga-peniaga berpeluang membangunkan satu sistem dengan mudah. Hal ini menjadi kerisauan kerana berkemungkinan sistem untuk perniagaan lain juga boleh dibangunkan. Berkemungkinan sistem KCHSBooking yang mungkin dibangunkan olehnya akan mempunyai kelebihan yang tidak standing dengan sistem KCHSBooking kini. Sebelumnya dan lebih banyak ciri-ciri khas boleh ditambah berbanding sistem KCHSBooking yang kami menujuhkan ini.

4P'S ANALISIS

Product (Produk)	<ul style="list-style-type: none">• Produk yang dibangunkan ialah sistem KCHSBooking yang merupakan sistem tempahan secara atas talian.• Tujuan produk ini dibangunkan adalah untuk membantu Kayangan Cats Hotel & Spa untuk meluaskan lagi perniagaan mereka .
Price (Harga)	<ul style="list-style-type: none">• Setelah beberapa tinjauan dibuat, harga untuk melaksanakan penanda dan label pada setiap bilik, makanan, serta sangkar kucing ini adalah dalam lingkungan RM50-RM150.• Tetapi, sistem tempahan yang kami bangunkan adalah secara percuma.

Place (Tempat)	<ul style="list-style-type: none"> • Kayangan Cats Hotel & Spa yang bertempat di Bandar Baru Perda merupakan pusat perniagaan di Bukit Mertajam. Ia telah menjadi kebiasaan dan rutin harian penduduk sekitar untuk menghantar kucing ke kedai itu. Kayangan Cats Hotel & Spa ini berada di tempat yang strategik dan mudah dilihat dari jauh kerana berada di depan lebuh raya utama.
Promotion (Promosi)	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem KCHSBooking ini menjadi satu elemen penting dalam melonjakkan perniagaan Kayangan Cats & Spa lebih dikenali oleh masyarakat setempat. • Sistem KCHSBooking ini akan diwar-warkan di media sosial seperti Watsapp dan Facebook Kayangan Cats Hotel & Spa.

4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN DAN MASALAH YANG DIHADAPI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

Dari hasil perbincangan, kelebihan sistem KCHSBooking ini ialah satu platform tempahan dan penjadualan dalam talian yang boleh disesuaikan tanpa had dan membolehkan Kayangan Cats Hotel & Spa mengautomasikan tugas tempahan secara kompleks dan tidak perlu mengambil masa yang lama. Selain itu, sistem ini dapat menghilangkan kerumitan dalam mengurus peraturan tempahan serta kos yang digunakan sepanjang penghasilan projek ini tidak terlalu tinggi dan mampu milik. Sebaliknya, kelemahan yang dapat disenaraikan ialah untuk mengakses sistem ini, ia memerlukan pautan internet yang kuat sekiranya ingin melakukan tempahan bilik. Tambahan pula, masalah yang sering dihadapi sepanjang membangunkan sistem KCHSBooking ini ialah mengambil masa agak lama untuk mengetahui fungsi setiap ciri-ciri yang terdapat dalam sistem tersebut. Hal ini berlaku disebabkan oleh kekurangan ilmu digital bagi menyempurnakan sistem KCHSBooking untuk kegunaan pihak staf di Kayangan Cats Hotel & Spa.

4.4 KOS YANG TERLIBAT

Kos pelaksanaan projek merupakan kos yang terlibat bagi menyiapkan “ Sistem KCHSBooking ”.

KEPERLUAN	KOS (RM)
Internet	50
Perbelanjaan lain	60

4.5 RUMUSAN

Secara kesimpulan, bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian, perbincangan serta kos yang terlibat mengenai inovasi sistem KCHSBooking. Fokus utama dalam bab ini adalah pada bahagian kelebihan, kekurangan sistem dan masalah yang dihadapi semasa proses pembangunan sistem kerana setiap proses pembangunan sistem KCHSBooking ini mempunyai kelebihan dan kekurangannya tersendiri .

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan dalam penghasilan kajian untuk sistem KCHSBooking di Kayangan Cats Hotel & Spa yang telah dijalankan. Bab ini juga merangkumi kesimpulan keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT dan 4P's (Kekuatan, Kelemahan,Ancaman dan Peluang) serta analisis keberkesanan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan penghasilan sistem KCHSBooking.

5.2 KESIMPULAN

Penggunaan sistem KCHSBooking ini mempunyai kelebihan iaitu sistem ini memudahkan pihak pekerja untuk membuat tempahan bilik kucing di atas talian. Ini kerana Kayangan Cats Hotel & Spa mempunyai masalah ketika membuat tempahan bilik secara manual. Oleh itu, antara kelebihan KCHSBooking ini ialah, mudah diakses dengan hanya mengklik link yang dipaparkan oleh pihak pekerja.

Penggunaan sistem KCHSBooking ini mempunyai kelemahan dari segi kekurangan ciri-ciri dalam KCHSBooking ini tetapi dibangunkan untuk membantu memudahkan aktiviti perniagaan Kayangan Cats Hotel & Spa dalam menyelesaikan masalah mereka untuk membuat tempahan bilik kucing para pelanggan. Sistem ini dicipta menggunakan Microsoft Excel iaitu satu aplikasi untuk mencipta sistem tempahan bilik di Kayangan Cats Hotel & Spa.

Sistem KCHSBooking ini diharapkan mampu berdaya saing dengan baik di pasaran dan membantu memudahkan pihak pekerja Kayangan Cats Hotel & Spa.

5.3 CADANGAN

Penggunaan sistem KCHSBooking ini mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri untuk melakukan tempahan daripada pelanggan . Antara kelebihan aplikasi KCHSBooking ini adalah bagi membantu memudahkan pekerja untuk membuat tempahan daripada pelanggan dan dapat menyelesaikan masalah yang di hadapi oleh Kayangan Cats Hotel & Spa . Sistem ini dibangunkan menggunakan Microsoft Excel yang merupakan aplikasi untuk menciptakan sistem. Selain itu, kelebihan produk inovasi ini adalah bagi memudahkan pekerja untuk mengenalpasti bilik kucing dengan lebih cepat . Ciri-ciri sistem ini adalah pihak pengurusan boleh melihat dan mengurus tempahan dengan mudah. Garisan antara paparan kalender hari, bulan, senarai bilik yang unik untuk mencerna aktiviti tempahan dengan mudah. Antara kelemahan yang perlu diatasi adalah pelanggan tidak dapat melihat kekosongan bilik dengan sendiri kerana pihak pengurusan sahaja yang dapat melihat sistem ini.

Selain itu, antara ciri yang perlu diperbaiki di dalam sistem KCHSBooking ini ialah masalah teknikal dari segi liputan internet yang digunakan yang akan menyebabkan sistem menjadi tergendala dan gagal untuk menyempurnakan tempahan tersebut . Di samping itu, kekurangan dari segi ‘chat support’ kerana kebiasaan para pekerja akan membala persoalan yang diberikan oleh para pelanggan hanya pada waktu berkerja sahaja. Akhir sekali , diharapkan sistem ini dapat membantu dan boleh diguna pakai oleh pihak Kayangan Cats Hotel & Spa demi menjana ekonomi perniagaan.

5.4 LIMITASI PROJEK

- 1) Jumlah Analisis Kajian.
 - Jumlah analisis kajian yang terhad kerana hanya dilakukan kepada pihak staf di Kayangan Cats Hotel & Spa bagi menjalankan analisis projek ini. Adakah lebih menarik menjalankan analisis ini di seluruh kawasan perniagaan komersial di sekitar Pulau Pinang.
- 2) Penggunaan KCHSBooking.
 - Sistem ini hanya boleh digunakan di Kayangan Cats Hotel & Spa sahaja buat masa ini. Ia mungkin akan dikembangkan jika mendapat sambutan untuk dilakukan di setiap kedai haiwan peliharaan yang ada.

3) Instrumen Kajian.

- Kajian ini menggunakan dua kaedah bagi pengumpulan data iaitu dengan menemubual bersama pemilik Kayangan Cats Hotel & Spa bagi mendapatkan maklumat serta kaedah lain iaitu dengan melalui soal selidik kepada para pekerja.

5.5 RUMUSAN

Secara dasarnya kajian ini membincangkan mengenai penghasilan produk inovasi sistem KCHSBooking yang dibangunkan untuk kegunaan pekerja Kayangan Cats Hotel & Spa. Kajian ini mempunyai bab yang membincangkan mengenai proses membangunkan sistem KCHSBooking. Kertas kerja projek ini mengandungi lima (5) bab yang telah dibincangkan. Bab yang pertama membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, analisis keperluan, skop kajian dan kepentingan kajian tentang Kayangan Cats Hotel & Spa. Bab yang kedua membincangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini seperti maklumat produk, proses pembangunan produk, pembaharuan produk dan kaedah kajian. Bab ketiga membincangkan mengenai analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan analisis dapatan kajian peringkat kedua. Seterusnya, bab keempat ialah mengenai analisis kewangan untuk projek yang dihasilkan, diikuti dengan impak produk dan diakhiri dengan aspek pengkomersialan. Akhir sekali, bab kelima merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek dan cadangan serta penambahbaikan yang dilakukan oleh pengkaji.

RUJUKAN

Kami telah merujuk kepada beberapa rujukan dari internet, artikel, dan lain-lain sumber yang dinyatakan di bawah untuk menyiapkan atau menyelesaikan kajian projek kami iaitu :

- 1) Sistem Tempahan Atas Talian dan Aplikasi Mudah Alih “Sports Facilities Management System” | Journal on Technical and Vocational Education. (2021). *Upikpolimas.edu.my.* <http://upikpolimas.edu.my/ojs/index.php/JTVE/article/view/413>
- 2) Othman, A. M., & Ramli, A. A. (2021). Aplikasi Pengurusan Fazira Car Wash Menggunakan Android (Fazira2Clean). *Applied Information Technology and Computer Science*, 2(2), 1046–1061.
<https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs/article/view/2474>
- 3) *Sistem pengurusan kandungan*. (2022, July 26). Wikipedia.
https://ms.wikipedia.org/wiki/Sistem_pengurusan_kandungan
- 4) Adnan, W. N. H., & Aziz, R. A. (2022). Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat JPM, DBKL JPM, DBKL Meeting Room Booking System. *Applied Information Technology and Computer Science*, 3(1), 1156–1166.
<https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs/article/view/2373>
- 5) Nurul Afizah Samiran, & Mohd. (2021). Sistem Pengurusan Tempahan Lawatan Kompleks Kraf Johor. *Applied Information Technology and Computer Science*, 2(1), 61–85. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs/article/view/469>

- 6) Bin, M., Mohammad, Z., Hasan, K., Teknologi, F., & Maklumat, S. (n.d.). *SISTEM TEMPAHAN BILIK MESYUARAT*. Retrieved November 26, 2022, from
<https://www.ftsm.ukm.my/v5/file/research/technicalreport/PTA-FTSM-2021-181.pdf>
- 7) *COVER BULETIN*. (n.d.). Retrieved November 26, 2022, from
<http://myagric.upm.edu.my/id/eprint/17645/1/QgKqcTV68JCLOxRaeRi7cUiMeMOJBgsp.pdf>
- 8) Thulasimani Munohsamy. (2014). *Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan*. ResearchGate.
https://www.researchgate.net/publication/279197893_Integrasi_Teknologi_Maklumat_dan_Komunikasi_dalam_Pendidikan

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

Maklum balas responden untuk Analisis Keperluan.

Soalan / Jawapan	Ya		Tidak	
	NO	(%)	NO	(%)
1. Jenis font yang digunakan dalam sistem KCHSBooking ini sesuai.	4	100%	0	0%
2. Warna yang digunakan dalam sistem KCHSBooking ini sesuai.	4	100%	0	0%
3. Sistem KCHSBooking ini mempunyai perincian butiran yang lengkap.	4	100%	0	0%
4. Perincian butiran di bahagian rekod penempahan mudah difahami dan sesuai dalam sistem KCHSBooking.	4	100%	0	0%
5. KCHSBooking ini mudah bagi pihak staf untuk mengenalpasti bilik yang sedia ada sebelum memaklumkan kepada pelanggan.	4	100%	0	0%
6. KCHSBooking ini memudahkan pihak staf untuk mengemaskini maklumat para pelanggan.	4	100%	0	0%
7. Pengurusan pihak staf menjadi lebih mudah dan cepat selepas menggunakan sistem KCHSBooking.	4	100%	0	0%

8. Fungsi sistem tempahan yang digunakan dalam sistem KCHSBooking ini berfungsi dengan baik.	4	100%	0	0%
9. Sistem KCHSBooking ini boleh dikategorikan sebagai mesra pelanggan.	4	100%	0	0%
10. Sistem KCHSBooking ini mudah untuk diakses.	3	75%	1	25%

LAMPIRAN 2


Maklum Balas Responden untuk Kajian Keberkesanannya.

MAKLUM BALAS DARIPADA RESPONDEN						
SOALAN/JAWAPAN	SETUJU		TIDAK SETUJU		LAIN-LAIN	
	No	(%)	No	(%)	No	(%)
1. Jenis font yang digunakan dalam sistem KCHSBooking ini sesuai.	4	100%	0	0%	0	0%
2. Warna yang digunakan dalam sistem KCHSBooking ini sesuai.	4	100%	0	0%	0	0%
3. Sistem KCHSBooking ini mempunyai perinician butiran yang lengkap.	4	100%	0	0%	0	0%
4. Perinician butiran di bahagian rekod penempahan mudah difahami dan sesuai dalam sistem KCHSBooking .	4	100%	0	0%	0	0%

5. KCHSBooking ini mudah bagi pihak staf untuk mengenalpasti bilik yang sedia ada sebelum memaklumkan kepada pelanggan.	4	100%	0	0%	0	0%
6. KCHSBooking ini memudahkan pihak staf untuk mengemaskini maklumat para pelanggan.	4	100%	0	0%	0	0%
7. Pengurusan pihak staf menjadi lebih mudah dan cepat selepas menggunakan sistem KCHSBooking .	4	100%	0	0%	0	0%
8. Fungsi sistem tempahan yang digunakan dalam sistem KCHSBooking ini berfungsi dengan baik.	4	100%	0	0%	0	0%
9. Sistem KCHSBooking ini boleh dikategorikan sebagai mesra pelanggan.	4	100%	0	0%	0	0%
10. Sistem KCHSBooking ini mudah untuk diakses.	3	75%	1	25%	0	0%

LAMPIRAN 3

PROSES PELAKSANAAN PENANDA (TAGGING)



PROSES PELAKSANAAN LABEL

